

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2012**  
**BAHASA MELAYU KERTAS 2**  
**SKEMA JAWAPAN**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada: Isi - 20 markah  
 Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) .Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	16	
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

**Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

## Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, **berikan 0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120 patah perkataan**, **markah tidak dipotong**.

[ Markah bahasa maksimum : 10 markah]

## SOALAN 1

### Rumusan

#### Pendahuluan

#### Markah

Petikan membincangkan/ merumuskan/ membincangkan/ menerangkan / menyatakan/ menjelaskan faktor/ punca berlakunya pencemaran air di negara ini. 2

Rumusan tentang faktor/ punca berlakunya pencemaran air di negara ini. 2

Petikan membincangkan faktor/punca berlakunya pencemaran air. 1

#### Isi tersurat [4 hingga 12 markah]

(Sebab-sebab berlakunya pencemaran air)

1. pembuangan sisa kumbahan (yang tidak sempurna – tiada = 0 markah) 2
2. Aktiviti pertanian sama ada yang berskala kecil(1m) mahupun berskala besar(1m) 2
3. Pembukaan dan penerokaan tanah (yang tidak terkawal – tiada = 0 markah) 2
4. Penggunaan racun serangga(1m) dan baja kimia(1m) dalam bidang pertanian 2
5. Aktiviti penternakan juga menjadi masalah besar / Aktiviti penternakan haiwan / Aktiviti penternakan seperti penternakan ayam, lembu, kambing, dan babi (mana-mana dua contoh) 2
6. Sikap ambil mudah masyarakat yang membuang sampah ( terus ke dalam longkang dan sungai – tiada = 0 markah) 2
7. Pengaliran dan pembuangan sisa perindustrian (secara tidak selamat – tiada 0 markah) 2
8. Kegiatan ekonomi manusia yang mementingkan keuntungan semata-mata 2
9. Air buangan daripada kegiatan perniagaan (1m) dan industri (1m). 2

**Isi Tersirat [ 4 hingga 12 markah ]  
(usaha-usaha untuk mengatasi masalah pencemaran air )**

1. Kerajaan mempergiat kempen Cintai Sungai 2
2. Ibu bapa mendidik anak-anak agar menghargai sumber air sejak mereka kecil lagi 2
3. Pihak berkuasa harus mengawal aktiviti penerokaan tanah dan pemusnahan hutan 2
4. Pihak sekolah memberi penekanan terhadap kepentingan menguruskan pembuangan sampah dengan baik. 2
5. Peranan NGO mengadakan kempen Cintai Alam Sekitar secara berkala. 2
6. Masyarakat melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada aktiviti yang Melibatkan pencemaran alam sekitar 2

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, masyarakat **perlu** menghargai sumber air yang ada **agar** masalah pencemaran air dapat dibendung. 2

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) :Petikan Umum

Markah

(i) Maksud rangkai *semakin serius* :

[Maksimum:2 markah]

- bertambah/ meningkat teruk/kronik/kritikal = 2 markah  
\*[semakin teruk/kronik/kritikal = 1 markah]  
[meningkat serius = 0 markah]

(ii) Kesan-kesan yang akan timbul akibat pencemaran air:

- memberikan kesan kepada kehidupan akuatik dan keindahan alam semula jadi
- isu seperti air yang berbau busuk dan tidak menyenangkan yang pernah berlaku di Selangor dan Putrajaya
- memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia akibat sisa buangan industri yang mengandungi bahan keluli, bakteria, bahan-bahan organik dan bukan organik yang tidak dirawat dengan betul  
[terima mana-mana dua isi]

[Maksimum:3 markah]

iii. Kekangan:

- masyarakat yang mementingkan diri sendiri/ tidak ambil peduli tentang keadaan sungai/ membuang sampah ke dalam sungai
- tindakan tidak tegas pihak berkuasa terhadap pihak yang mengalirkan sisa buangan ke sungai/ penguatkuasaan undang-undang yang lemah atau longgar / tidak mengambil tindakan / kawasan di bawah penguatkuasaan sungai yang terlalu luas – tidak mampu menguatkuasakan undang-undang
- semangat mencintai alam sekitar semakin pudar dalam jiwa orang ramai / lebih mementingkan ekonomi dan keperluan hidup  
[ terima mana-mana 3 isi ]

[Maksimum:4 markah]

## (i) Kejayaan :

- Ajam, anaknya yang sulung membuka perniagaan pengangkutan bas antarkota. 1
- Bakar, seorang Sarjana Pertanian yang bekerja sebagai pengurus ladang di sebuah estet kelapa sawit. 1
- Melati, anaknya yang bernombor tiga. Dia seorang pensyarah di sebuah Institut Pengajian Tinggi. 1

[Maksimum:2 markah]

## (ii) Tiga cadangan :

- Penanaman semula pokok .
- Membuat pengaduan kepada Jabatan Hutan.
- Menjaga kebersihan hutan sebagai tempat rekreasi.
- Melaporkan aktiviti penebangan hutan secara haram kepada pihak berkuasa.
- Menyertai/menyokong kempen cintai alam sekitar yang dijalankan.
- Menyertai kelab/ persatuan NGO cintai alam sekitar yang sedia ada.
- Menubuhkan kelab/persatuan cintai alam sekitar.

[Maksimum: 3 markah]

## (iii) Perwatakan dalam petikan:

- **Seorang yang bertanggungjawab terhadap keluarga** – contoh: Bertanggungjawab membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anaknya. 1+1
- **Seorang yang mementingkan pendidikan/ ilmu**  
contoh: Berjaya membesarkan anak-anak dengan pendidikan tinggi. Anaknya yang sulung Ajam berjaya dalam bidang perniagaan pengangkutan bas antarkota. Anaknya yang kedua, Bakar bekerja sebagai pengurus ladang sebuah estet kelapa sawit. Anaknya yang ketiga, Melati menjadi seorang pensyarah di sebuah IPT. 1+1
- **Seorang yang mempunyai wang/kaya** – contoh: perniagaan pengangkutan bas antarkota anaknya melalui hasil daripada modal ribuan ringgit yang diberikan oleh bapa. 1+1

## Perwatakan dalam keseluruhan cerpen:

- **Seorang yang bersyukur dengan pembangunan** – contoh: Pembangunan yang telah dilakukan telah menyebabkan anak-anaknya dapat menikmati kehidupan yang sempurna. 1+1
- **Seorang yang mementingkan harta/materialistik** – contoh: sanggup memusnahkan hutan semata-mata mahu mendapatkan wang yang banyak. 1+1
- **Seorang lelaki yang penyayang** – contoh: Pak Tua membelai manja seorang cucu lelakinya yang paling kecil dan sudah terlelap di lengannya. 1+1
- **Seorang yang mempunyai kesedaran** – contoh: Kesal atas pencerobohan hutan. Pak Tua kesal kerana ketika mudanya dia telah terlibat dengan aktiviti pembalakan. 1+1

[Maksimum: 4 markah]

**(i) Maksud**

- terpesona yang amat sangat

[Maksimum: 2 markah]

**(ii) Tiga sebab Awang Sulung enggan menghadap Tuanku Nakhoda Tua:**

- Nakhoda Tua pernah mengnyahkan Awang Sulung.
- Awang Sulung mengatakan bahawa beliau anak sakai yang tidak layak datang menghadap.
- Awang Sulung berkecil hati dengan Tuanku Nakhoda Tua.

[Maksimum: 3 markah]

**(iii) Dua cadangan:**

- menawarkan pangkat / kedudukan
- menawarkan harta / wang
- menawarkan diri untuk berkahwin dengan Awang Sulung
- menawarkan sebuah negeri / tempat tinggal / istana

[Maksimum: 3 markah]

**Soalan 2(d) : Puisi**

**(i) Latar tempat luar negara**

- Beirut, London, Washington, Australia, Afrika

[Maksimum: 2 markah]

**(ii) Cadangan [ 3 isi ]**

- Toleransi dalam kehidupan
- Kerjasama dan saling membantu untuk menjayakan sesuatu
- Menghormati hak dan kebebasan negara lain
- Melalui sukan / kebudayaan / kesenian
- Kempen kesedaran sedunia

[Maksimum: 3 markah]

**(iii) Dua nilai : [ 2 isi ]**

- Nilai menghargai keindahan alam.
- Nilai hormat- menghormati sesama manusia.
- Nilai bertoleransi antara masyarakat.
- Nilai bekerjasama dalam menjayakan sesuatu.

[Maksimum: 4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

- Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
- Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
- Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
- Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
- Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
- Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
- Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
- Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
- Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
- Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah

**Jawapan 3(a)**

(i) **menggulai**

- memasak (daging, ikan dan lain-lain) yang berkuah / santan

(ii) **menumis**

- memasak (lauk, sayuran, dll) dgn menggunakan minyak atau lemak: *hari itu dia hendak ~ ikan bilis sama petai;*

(iii) **menggoreng**

- memasak dalam kualiti kering / minyak

(iv) **menyiang**

- membersihkan ikan / daging

(v) **memotong**

- memutuskan / mengerat sesuatu (ikan, pokok, tangan)
- potong / pintas jalan
- mengurangkan gaji
- menoreh getah

(vi) **mencantas**

- memangkas / memancung hujung dahan@kepala

[Maksimum: 6 markah]



**Jawapan 3(b)**

- (i) Menara Berkembar Petronas itu dari jauh sudah kelihatan.  
Menara Berkembar Petronas itu sudah kelihatan dari jauh.
- (ii) Pemandangan di Taman Negara sungguh indah.
- (iii) Saya mohon penjelasan yang lebih lanjut bagi memudahkan kita membuat perancangan.

[Maksimum: 6 markah]

**Jawapan 3(c)**

- (i) e-mail - e-mel
- (ii) berkomunikasi - berkomunikasi
- (iii) antara bangsa - antarabangsa
- (iv) memberi - memberikan
- (v) berapa - beberapa
- (vi) diguna - digunakan

[Maksimum: 6 markah]

**Jawapan 3(d)**

- i) rindukan - rindu akan
- segan malu - segan silu
- ii) Adalah - Dengan ini
- Awam - umum
- iii) memotong - menyang
- memperbaiki - membaiki/membaikkan

[Maksimum: 6 markah]

**Jawapan 3(e) Peribahasa**

- (i) ibarat ketam mengajar anakna berjalan /
- (ii) seperti anjing dengan bayang-bayang /
- (iii) seperti pinang dibelah dua /

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4  
Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a)
- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
  - iii) Beri 1 markah untuk setiap latar tempat
  - iv) Beri 2 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas
  - v) Markah isi maksimum 4 markah
  - vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
  - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
    - Baik : 3 markah
    - Sederhana : 2 markah
    - Lemah : 1 markah
  - ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
  - x) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum: 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
  - iii) Beri 1 markah untuk setiap teknik plot
  - iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap / jelas bagi setiap
  - v) Markah isi maksimum 6 markah ( maksimum 3 markah bagi setiap teknik plot )
  - vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
  - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
    - Baik : 2 markah
    - Lemah : 1 markah
  - ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
  - x) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum: 8 markah]

**Jawapan Soalan 4**

**1 Novel Papa..... (akhirnya kau tewas jua!)**

- (a) Latar tempat dan peristiwa
  - i. Di rumah Jeffri di Kelana Jaya – Tempat Jeffri dan keluarganya serta Mak Cik Noraini pembantu rumah mereka tinggal dalam suasana yang harmoni.
  - ii. Di Sekolah Menengah Seri Gading – Tempat Julia belajar dan tempat Intan Maliana menjadi guru Matematik.
  - iii. Di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia – Tempat Intan Maliana melahirkan anak kembarnya dan dirawat semasa dia dalam keadaan koma.
  - iv. Di Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) – Tempat Julia dan rakan rapatnya Rasydan meneruskan pengajian selepas tamat sekolah menengah.
  - v. Di Restoran Starbucks Coffee di Mid Valley – Tempat Julia dan Rasydan berkunjung untuk minum dan di sinilah jugalah mereka terserempak dengan papa Julia minum bersama-sama dengan Aishah sebanyak dua kali.
  
- (b) 3 teknik plot
  - i. **Pemerian**  
 Contohnya: Petang itu cuaca sungguh nyaman. Angin bertiup beralun lembut dan amat menyegarkan. Dengan rambutku yang ikal dan panjang memcecah bahu dan diikat ekor kuda, dengan berseluar panjang dan berkemeja T, aku yang tadinya berbaring sebentar di atas tilam empuk bilikku turun dari tingkat atas menuju ke ruang dapur di tingkat bawah.
  
  - ii. **Dialog**  
 Contohnya, “Lia...,” sambil memegang tangan perempuan yang terbaring. ”Ini Aisyah, isteri abang, adik Lia juga!” Lalu dia mencapai tangan Mak Cik Aisyah dan menghulurkan kepadanya.
  
  - iii. **Imbas Kembali**  
 Contohnya, Mak Cik Noraini mengingati akan kisah papa Julia bertugas sebagai guru.
  
  - iv. **Suspens**  
 Contohnya, pembaca tertanya-tanya akan nasib yang akan menimpa Intan Maliana setelah doktor memaklumkan bahawa Intan Maliana perlu menjalani satu pembedahan kerana ada komplikasi terhadap kandungannya.
  
  - v. **Monolog Dalaman**  
 Contohnya, Aku hanya memandang keluar tingkap kereta, ke jalan raya dan melihat kereta yang banyak lalu lalang. Aku meletakkan diriku di tempat mama sekarang, apa yang bakal dirasainya kalau dia tahu semua ini?

**1 Novel Konserto Terakhir****(a) Latar tempat dan peristiwa**

- i) Kebun Datuk Johari - Hilmi yang sedang mengerjakan kebun bunga telah ditegur oleh Datuk Johari dan hasil kerjanya dipuji oleh Doktor Nathan.
- ii) Rumah Datuk Johari (Bilik Datuk Johari) - Datin Salmah teringat akan kata-kata kakaknya mengenai rasa malu yang dibawa oleh Hilmi terhadap keluarganya.
- iii) Kebun Datuk Johari - Hilmi membunuh kumbang-kumbang yang merosakkan tanamannya dengan bantuan daripada Hayati.
- iv) Rumah Datuk Johari - Datin Salmah berpesan kepada Hilmi untuk menjaga rumah sepergian keluarga itu ke luar negara.
- v) Rumah Encik Bakar - Hilmi mula belajar muzik dengan Encik Bakar setelah diperkenalkan oleh Mamat.
- vi) Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya - Hayati menggantikan Hilmi di malam konsert Orkes Perdana RTM apabila Hilmi tidak muncul.
- vii) Hospital Besar - Pak Karim memberitahu rahsia mengenai Hilmi kepada Datuk Johari.
- viii) Rumah Datuk Johari - Datuk Johari meninggal sejeurus mendengar berita kematian Hilmi

**(b) 3 teknik plot****i. Dialog**

Contohnya: Dialog antara Hilmi dengan Datuk Johari:  
" Terima kasih."  
" Kau suka ?"  
" Lebih daripada suka. Saya memang suka berkebun"

**ii. Pemerian**

Contohnya:  
Ada sebuah permaidani yang besar sedikit daripada sejadah terletak di atas lantai tepi katilnya. Lantainya dari papan berkilat. Ada juga almari besar yang ditampal di dinding. Ada meja solek, berserakan dengan barang-barang solekan beraneka jenis yang sudah dipakai.

**iii. Teknik imbas kembali**

Contohnya:  
Hilmi teringat kata-kata ayahnya sebelum dia ke Kuala Lumpur apabila dia mendapat layanan buruk daripada Datin Salmah.

iv. Teknik **imbas muka**

Contohnya:

En. Bakar yakin bahawa Hilmi akan menjadi seorang seniman terkenal / Hilmi membayangkan dia sedang berhadapan dengan para penonton dalam pertunjukannya.

v. Teknik **monolog**

Contohnya:

Hilmi sering bermonolog sendirian sambil melayani perasaannya terhadap Hayati.

vi. Teknik monolog dalaman

Contohnya:

Perbualan dalam diri Datin Salmah tentang hubungan Hayati dengan Hilmi.

vii) Teknik kejutan

Contohnya:

Berita perkahwinan antara Hayati dengan Mohsin membuatkan Hilmi rasa terkilan. / Kemunculan Hayati secara mengejut menggantikan tempat Hilmi sebagai pemimpin orkestra. / Datuk Johari terkejut apabila mendapat tahu bahawa Hilmi ialah anak kandungnya.

viii) Teknik suspens

Contohnya:

Hilmi gelisah menanti dipanggil oleh Datin Salmah setelah merosakkan piano Hayati. / En. Bakar gelisah menunggu keputusan mesyuarat jawatankuasa Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional berkaitan tuduhan melanggar tata tertib persatuan itu. / Hilmi tidak muncul pada malam Pertunjukan Orkes Perdana kerana berada di hospital untuk rawatan kecemasan

\*\*\*terima mana-mana jawapan yang sesuai dalam novel

**TAMAT**